

Presiden Turkmenistan Puji Petronas - Najib

Bernamea

Jun 10, 2014

Oleh Nur-ul Afida Kamaludin

ASHGABAT (Turkmenistan), 10 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, pada Selasa, menzahirkan rasa bangganya terhadap Petronas yang berjaya membuktikan kemampuannya sebagai organisasi yang disegani dan unggul di Turkmenistan.

Beliau berkata keupayaan syarikat minyak dan gas negara itu melaksanakan kerja-kerja penerokaan serta bersaing dengan syarikat besar asing lain di Turkmenistan telah mendapat perhatian presiden negara ini, Gurbanguly Berdimuhamedov.

Sambil memuji warga kerja Petronas berkenaan kerana bertugas dengan penuh profesionalisme, beliau turut menasihati mereka supaya terus gigih bekerja walaupun berada jauh di perantauan.

"Warga kerja Malaysia perlu ada semangat kental dan cekal untuk bekerja di barisan hadapan. Belajarlah menyesuaikan diri dengan cara kehidupan tempatan.

"Ini adalah antara strategi global yang perlu diterapkan dalam diri bagi memperkasa semangat kerja yang kental," kata Najib pada majlis makan tengah hari bersama-sama 100 rakyat Malaysia yang bekerja di Turkmenistan, termasuk warga kerja Petronas, di sini.

Majlis itu dihoskan oleh Duta Besar Malaysia di Turkmenistan, Norman Muhamad.

Turut hadir ialah isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Shamsul Azhar Abbas.

Najib turut menarik perhatian kepada kegigihan pekerja Korea Selatan dan Jepun bertugas di luar negara hingga dapat mengharungi cabaran dan dugaan dengan jayanya.

"Dengan semangat inilah rakyat Jepun dan Korea dapat bertahan dan cekal hadapi

sebarang rintangan dan dugaan.

"Oleh itu, janganlah lemah semangat, perlu cekat berdepan cabaran di kawasan kerja yang belum diterokai oleh rakyat Malaysia," kata beliau.

Perdana Menteri berkata untuk berjaya di persada antarabangsa, rakyat Malaysia perlu memiliki semangat untuk berjaya yang tinggi.

"Keluarlah dari zon selesa iaitu bekerja di Malaysia, sebaliknya terokai kawasan barisan hadapan untuk cari pengalaman," tegas beliau.

Beliau turut menyarankan supaya syarikat-syarikat korporat Malaysia melabur di negara Asia Tengah ini, yang kaya dengan hasil minyak dan gas, selain terletak di pintu masuk Asia, Eropah dan Rusia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1045149>